

InsectART buktikan STEM menarik

Gabungan kreativiti dan sains perkasakan pembelajaran

Oleh Haliza Mohamad
bhpendidikan@bh.com.my

Kota Tinggi: Program Insect-ART: Transformasi Serangga ke dalam Karya Seni membuktikan pembelajaran sains boleh disampaikan secara kreatif dan menyeronokkan, sekali gus menarik minat pelajar sekolah menengah terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program peringkat kebangsaan selama tiga hari yang berlangsung baru-baru ini, menghimpunkan seramai 102 pelajar daripada 11 sekolah membabitkan empat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dari tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Selangor.

Inisiatif berkenaan diterajui oleh Penyelaras Program Ekologi dan Biodiversiti, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains Universiti



Sebahagian peserta dan sukarelawan yang menyertai program InsectART: Transformasi Serangga ke dalam Karya Seni.

Malaya (UM), Dr Noorhidayah Mamat dengan kerjasama Dr Noor Azrizal dari Universiti Putra Malaysia.

Ia adalah salah satu projek di bawah Geran Pendayaan Komuniti @ UniMADANI, selaras Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4, 9 dan 15.

Noorhidayah berkata, acara itu berlangsung di Pusat Latihan Kulim, Kota Tinggi, dengan peserta didedahkan kepada pelbagai aktiviti lapangan termasuk persampelan serangga di habitat se-

mula jadi, kaedah pengawetan resin serta penghasilan karya seni berasaskan biodiversiti.

Dibimbing 23 fasilitator

Program itu katanya, turut dibimbing oleh 23 fasilitator daripada kalangan mahasiswa UM, khususnya Institut Sains Biologi.

Modul program ini dibangunkan berasaskan integrasi sains, teknologi, seni dan kreativiti ini bertujuan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran

STEM secara amali, memupuk kesedaran pemuliharaan biodiversiti, serta membina kemahiran inovasi dan keusahawanan.

“Tujuan utama program ini bukan sekadar meningkatkan pengetahuan STEM, tetapi menyemai rasa cinta terhadap alam sekitar,” katanya.

Program itu katanya, turut berjaya mewujudkan jalinan kerjasama antara pelajar pelbagai latar belakang menerusi aktiviti kolaboratif dan pertandingan hasil seni yang dinilai juri profesional.

Sementara itu Pengarah Pusat Jalinan Masyarakat (UMCares) UM, Prof Madya ChM Dr Noraini Ahmad dalam majlis penutup berkata, program berkenaan bukan sahaja menumpukan aspek pembelajaran, malah berjaya membina jaringan sosial antara pelajar dan sekolah dari negeri berbeza.

“Pendidikan bukan hanya tentang ilmu, tetapi membina jambatan persahabatan dan semangat kebersamaan yang menjadi aset penting pelajar,” katanya.